

20
Mereka menggesa dasar

Perikatan di-kaji sa-mula

Tokoh2 UMNO

sokong MCA

**tak sertai
kabinet**

Oleh: SUHAIMI MOKHTAR.

KUALA LUMPUR 5 Jun — Beberapa orang tokoh Jawatankuasa Kerja Tertinggi UMNO Malaysia telah sa-pakat menyokong keputusan puchok pimpinan MCA untok tidak menyertai kabinet.

Antara mereka ia-lah Tan Sri Syed Jaafar Albar, Dr. Mahathir bin Mohammad dan Syed Nasir bin Ismail.

Tan Sri Syed Jaafar dalam satu pertemuan dengan Utusan Malaysia menegaskan bahawa beliau tidak bersetuju sama sa-kali dengan perkembangan2 meminta MCA menyertai sa-mula kabinet.

Tidak setuju

"Saya tidak bersetuju dengan chara beberapa buah Dewan Perniagaan China menyatakan keperchayaan dan sokongan-nya kepada Tun Tan Siew Sin dan meminta-nya menimbang sa-mula keputusan MCA tidak mahu menyertai kabinet," kata-nya.

Menurut-nya, soal yang di-hadapi sekarang bukan soal memberi keperchayaan kepada Tun Tan Siew Sin sa-bagai pemimpin MCA tetapi masaalah ada-kah orang2 China menyokong dasar Perikatan yang ada sekarang atau tidak.

"Ini-lah yang patut di-berikan pertimbangan oleh mereka yang pada hari ini sedang heboh memberikan sokongan kepada Tun Tan Siew Sin," tambah-nya.

Tan Sri Syed Jaafar menyatakan lagi bahawa sokongan kepada Tun Tan oleh Dewan2 Perniagaan China tidak memadai tetapi ia hendak-lah datang daripada majoriti gulungan orang2 China.

Beliau memberitahu bahawa soal penyertaan MCA tidak patut di-binchangkan di-halaman2 akhbar sahaja atau oleh MCA sa-haja kerana UMNO sendiri sa-bagai tulang belakang

Perikatan belum lagi membinchangkan apa-kah patut MCA, MIC menyertai kabinet atau apa-kah Perikatan patut ujud sa-bagaimana sekarang.

Kata-nya: "Soal itu bukan hanya wajib di-binchangkan oleh MCA sendiri sahingga perkara itu terlihat sa-mata2 hak milek-nya, malah wajib di-binchangkan oleh pemimpin2 Perikatan dari UMNO, MCA dan MIC".

Bagaimana pun beliau tidak hendak mendahului parti memberikan pandangan dan pendapat yang putus berkenaan perkara itu.

Dr. Mahathir yang menyokong kenyataan Tan Sri Syed Jaafar menegaskan bahawa pemimpin2 MCA hendak-lah berpegang kepada kenyataan asal yang mereka tidak akan mahu menyertai kabinet.

Kata Dr. Mahathir ia bersetuju dengan pendapat pemimpin2 MCA, bagaimana mereka dapat mewakili orang2 yang mereka dakwa di-wakili-nya."

Menurut-nya, sokongan Dewan2 Perniagaan China dan lain2 bertubuhan China kepada Tun Tan Siew Sin tidak dapat di-anggap sa-bagai sokongan orang2 China seluruh-nya kepada MCA kerana badan2 itu tidak mewakili hasrat orang2 China sa-chara keseluruh-annya.

Menunggu

"Kalau MCA hendak tahu sama ada ia di-sokong oleh

orang2 China atau tidak maka ia terpaksa menunggu pilihanraya lagi sa-kali," tegas-nya.

Dr. Mahathir berkata bahawa untok menunggu pilihanraya lagi sa-kali tentu-lah terlalu lama dan kerana itu MCA tidak mustahak dudok dalam kabinet.

Dr. Mahathir juga menyatakan bahawa kedudukan MIC dalam kabinet juga harus di-kaji.

Syed Nasir Ismail menegaskan bahawa keseluruhan perhubungan dan kedudukan antara UMNO, MCA dan MIC hendak-lah di-kaji sa-mula mengikut keadaan yang ujud sa-lepas pilihanraya ini.

Kata-nya, rakyat telah menjelaskan hasrat dan kemahuan mereka dan kita tidak boleh berpura2 menyatakan dasar Perikatan ada-lah sa-baik2 dasar yang boleh di-terima rakyat.

"Saya akan mengemukakan pendapat saya sa-penoh-nya dalam mesuarat Jawatankuasa Kerja Tertinggi UMNO Malaysia pada hari Ithnin ini," tambah-nya.

Jawatankuasa Kerja Tertinggi UMNO Malaysia akan mengadakan sidang-nya pada hari Ithnin ini, jam empat petang di-rumah Timbalan Perdana Menteri dan Pengarah Majlis Gerakan Negara, Tun Abdul Razak.

Sidang itu di-jangka akan membinchangkan kedudukan parti, kedudukan politik negara dan dharurat akibat keka-chauan baru2 ini.

Semua anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO di-jangka hadir dalam sidang yang di-anggap penting itu.